

RINGKASAN EKSEKUTIF

Negeri Johor sedang dalam fasa perkembangan dan kemajuan yang sangat pesat. Sedikit sebanyak ini memberi kesan negatif terhadap eksosistem hutan di negeri ini. Sungguhpun pihak Jabatan Perhutanan Negeri Johor (JPNJ) sedang berusaha dengan gigih mempertahankan dan mengurus Hutan Simpanan Kekal (HSK) mengikut Sistem Pengurusan Hutan Berkekalan, masih kelihatan pengurangan misalnya pada keluasan hutan. JPNJ sedar saat ini terdapat banyak halangan dan cabaran dalam pengurusan HSK. Pendekatan yang perlu diambil dalam pengurusan masa depan mesti bersifat holistic dan terpadu mengambilkira keperluan dan kepentingan beberapa pihak lain yang juga berkaitan dengan perhutanan (Stakeholders). Di samping itu pendekatan juga mesti bersifat mudah memantau dengan kaedah analitikal yang dipermudahkan. Mungkin faktor bahawa biodiversiti dan sistem ekologi hutan itu mempunyai nilai seharusnya diserlahkan dan diambilkira dalam sebarang usaha pengurusan.

Justeru itu Rancangan Pengurusan Hutan bagi tahun 2016 sehingga 2025 (RPH2016-2025) sungguhpun cuba mengikut format lazim, telah digubal agak berlainan. Keringkasan dan ciri analitikal dalam dokumen RPH ini diharap boleh membantu staf JPNJ memahami rancangan aktiviti sepanjang tempoh tersebut sehingga dapat melaksanakan aktiviti dengan lebih praktikal dan dengan penuh penghayatan terhadap isu masa kini, seperti pemuliharaan biodiversiti. Satu (1) pertemuan dan perbincangan dengan pihak berkepentingan telah dilaksanakan. Bengkel bengkel bersama dengan pihak pengurusan dan pelaksana pengurusan hutan JPNJ juga dilakukan sebanyak lapan (8) kali.

Seperti lazimnya RPH digubal untuk menjadi panduan dalam usaha pengurusan hutan. Dalam Laporan Eksekutif ini akan di perihalkan sedikit sebanyak ciri masing-masing Bab menekan kepada tujuan dan hasil yang dijangkakan.

Bab 1: Bab ini menyediakan isu terkini yang wujud hari ini. Memandangkan hutan sangat penting kepada masyarakat dunia sebagai sinki karbon, penghasil oksigen, penyedia sumber air. Selain itu sebagai pengawal atur iklim sejagat dan setempat, kemandirian hutan sangat diperlukan oleh dunia. Namun kerana dunia hari ini semakin kecil akibat globalisasi dan sistem komunikasi yang sangat cekap dan pantas maka apa jua isu yang berlaku di mana jua dalam dunia ini mahu tidak mahu akan memberi kesan kepada pengurusan hutan di Malaysia. Maka staf JPNJ seharusnya peka kepada isu-isu semasa dan berusaha menghadapinya dengan bijak sewaktu melaksanakan tugas pengurusan hutan.

Bab 2: Satu kaedah yang simplistik telah dikembangkan dalam Bab yang bertindak sebagai pemandu pelaksanaan strategi pengurusan ini. Telah disusunatur tonggak Sistem Pengurusan Hutan Berkekalan (SFM) sebanyak 17 item sedia ada dan ditambah dengan satu item baru iaitu Kelestarian Kewangan. Ini telah dipadankan dengan Sembilan (9) ciri Strategi Lautan Biru Kebangsaan (National Blue Ocean Strategies) semasa. Daripada pepadanan dua aspek ini telah digubal dan dirancang aktiviti yang perlu dilakukan bagi setiap strategi pengurusan. Dan akhirnya setiap strategi pengurusan yang dicadangkan untuk dilaksanakan diberikan faktor masa. Ini dilihat sebagai satu usaha yang analitikal dan memudahkan usaha pemantauan dipihak yang bertanggung jawab.

Bab 3: Bab yang menyediakan data asas ini tidak banyak berubah. Namun demikian usaha untuk mengemas kini data tentang keadaan geofizikal dan sosio ekonomi telah dilakukan.

Bab 4: Bab yang cuba menganalisis kekurangan atau kekuatan RPH 2006-2015 ini dilakukan dengan mengambilkira keadaan semasa. Justeru, dalam menggubal RPH 2016-2025 kekurangan dan kekuatan ini diambilkira supaya terhasil satu dokumen panduan yang lebih mantap dan lebih sesuai dengan keadaan, permasalahan/ancaman dan peluang semasa. Pengurangan terhadap keluasan HSK diambil perhatian yang serius dan cuba dijangka usaha-usaha yang boleh dilakukan bagi menghalang keadaan ini dari berulang di masa depan. Dalam Bab ini telah dikenalpasti jurang serta ancaman semasa yang wujud sehingga berlaku jurang tersebut; ini diikuti oleh perbincangan tentang usaha yang boleh menghalang jurang serupa berlaku di masa depan. Dengan adanya analisis yang sedemikian pengubahan RPH20016 - 2025 adalah lebih mantap. Selain pengurangan keluasan HSK, beberapa perkara yang terserlah termasuk isu pencerobohan, kurang usaha mengarus perdanakan biodiversiti dan kepentingan hutan, kekurangan pendapatan dari hasil hutan yang memerlukan pemikiran tentang sumber alternatif atau inovatid termasuk usaha meningkatkan eko-pelancongan di HSK. Banyak dari aktiviti pembaikan yang dicadangkan bersifat kepada keperluan data yang memerlukan penyelidikan. Selain itu sebahagian besar aktiviti yang dicadangkan dalam Bab 6 (hasil daripada analisis jurang Bab 4) memerlukan usaha penyelarasan dengan pihak berkepentingan. Oleh yang demikian telah dicadangkan dengan serius satu portfolio baru diwujudkan melalui pembentukan sebuah Unit Penyelidikan, Perkembangan dan Inovasi atau Unit PPI atau UPPI.

Bab 5: Dalam Bab Penilaian Kualitatif dan Kuantitatif Sumber Hutan ini dimulakan dengan menarik perhatian perlunya satu bentuk pengurusan hutan yang terpadu (*integrated forest management*) yang menekankan kepada pengurusan yang mengambilkira keperluan dan kepentingan pihak lain. Sekali lagi nilai sumber hutan yang hidup dan tidak hidup ditekankan sebagai faktor penting dalam pengurusan. Terdapat tujuh (7) konsep yang diketengahkan dalam Bab ini sebagai satu alat/asas

bagi sebarang aktiviti yang dirancang dan dicadangkan untuk pelaksanaan. Pengguna dokumen RPH2016-2025 sekali lagi diingatkan tentang beberapa isu semasa supaya lebih prihatin dan membuat keputusan yang bijak dalam sebarang usaha pengurusan hutan masa depan. Kaedah-kaedah penilaian bagi sumber yang dicadangkan banyak berlandaskan kepada penemuan dan penerbitan terkini.

Bab 6: Bab ini dianggap sebagai satu pemerihalan cara pelaksanaan pengurusan hutan. Ini merupakan fasa pelaksanaan aktiviti yang telah dikenalpasti dalam Bab 2: Strategi Pengurusan. Serupa dengan Bab 2, dalam Bab 6 ini setiap aktiviti akan dikawal oleh satu tempoh masa. Ini akan memastikan bahawa pelaksanaannya akan lebih prihatin tentang kekangan masa dan berusaha dalam tempoh yang diperuntukkan. Dalam Bab ini perincian masih banyak bergantung kepada Manual Pengurusan Hutan 2003, terutama pada aspek objektif, matlamat, latar belakang/sejarah kawasan dan perincian pelaksanaan penjagaan kawasan dan sebagainya. Namun pembaharuan adalah pada cadangan aktiviti yang dibentangkan dalam bentuk jadual supaya tidak ada aktiviti yang tercicir sewaktu pelaksanaan dan pemantauan. Kemungkinan akan wujud sedikit pertindihan dalam aktiviti yang dicadangkan dan ini tidak dapat dielakkan kerana suatu aktiviti itu mungkin bersifat memenuhi bukan satu tetapi beberapa strategi pengurusan.

Bab 7: Dalam sebarang usaha melaksanakan aktiviti bagi pengurusan HSK diJohor perlu dipantau dengan cermat kerana kemandirian atau kelestarian dan kesihatan hutan amat diperlukan oleh masyarakat setempat dan dunia. Oleh itu Bab 7 memerihalkan pendekatan dan perincian cara-cara pemantauan yang sebaiknya. Sungguhpun demikian bagi menjaga suatu piawai pengurusan, kaedah pemanataan masih banyak dilandaskan kepada Manual Pengurusan Hutan 2003 sebagai bentuk-bentuk laporan serta kekerapan pemantau dan pelaporan.

Bab 8: Dalam sebarang pelan pengurusan, bajet menjadi satu elemen terpenting. Begitu juga untuk RPH ini telah dikenalpasti hal-hal berkaitan bajet yang perlu diambilkira sunguhpun dalam RPH terdahulu tidak ada Bab sedemikian. Keadaan seasa memerlukan pemikiran tentang penjanaaan kewangan pendapatan melalui sumber-sumber alternative sebagai contoh eko-pelancongan, kenaikan kadar fi masuk ke HSK (Hutan Lipur, Hutan Pelajarn dan Hutan Penyelidkan) dan mengenakan fi terhadap penuaian hasil hutan bukan kayu (NTFPs) seperti rotan, amar dll. Bukan itu sahaja pemikiran boleh juga dihalakan kepada idea-idea baru seperti Payment for Ecological Services (PES) dan Carbon Trading.